



GC 6473

PERADABAN ISLAM DAN TAMADUN DUNIA

SEMINAR :

**TAMADUN DALAM BIDANG PENDIDIKAN, SEJARAH DAN
SENIBINA**

PENSYARAH :

DR. MAIMUN AQSHA LUBIS

PELAJAR:

FARIDAH HUSAIN (P38971)

WARDATUL AISHAH MUSA (P40604)

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Kuala Lumpur

2007

ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKASURAT |
|--|------------------|
| BAB SATU : | 3 |
| 1.0 TAMADUN DALAM BIDANG PENDIDIKAN | 3 |
| 1.1 DEFINISI PENDIDIKAN | 3 |
| 1.2 MATLAMAT PENDIDIKAN | 4 |
| 1.3 TUJUAN PENDIDIKAN | 4 |
| 1.4 KONSEP PENDIDIKAN | 4 |
| 1.5 FALSAFAH PENDIDIKAN | 4 |
| 1.6 INSTITUSI PENDIDIKAN FORMAL DAN TIDAK FORMAL | 5 |
| 1.7 INSTITUSI PENDIDIKAN FORMAL | 6 |
| 1.8 PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI EROPAH | 8 |
| 1.9 INSTITUSI PENDIDIKAN DI ALAM MELAYU | 9 |
| 1.10 PENDIDIKAN ISLAM DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA | 11 |
| BAB DUA : | 12 |
| 2.0 TAMADUN DALAM BIDANG SEJARAH | 12 |
| 2.1 PENGENALAN | 12 |
| 2.2 PENGERTIAN SEJARAH | 12 |
| 2.3 ZAMAN RASULULLAH SAW DAN KHULAFAH AL-RASHIDIN | 14 |
| 2.4 ZAMAN BANI UMAYYAH | 15 |
| 2.5 ZAMAN BANI ABBASIYYAH | 15 |
| 2.6 ZAMAN MOGHUL DAN UTHMANIAH | 16 |
| 2.7 SUMBER-SUMBER SEJARAH ISLAM | 16 |
| 2.8 TOKOH – TOKOH SEJARAH ISLAM | 18 |
| 2.9 RUMUSAN | 20 |
| BAB TIGA : | 21 |
| 3.0 TAMADUN DALAM BIDANG SENIBINA | 21 |
| 3.1 PENGENALAN | 21 |
| 3.2 DEFINISI SENIBINA | 23 |
| 3.3 PERKEMBANGAN TAMADUN DALAM BIDANG SENIBINA | 23 |
| 3.3.1 Zaman Rasulullah dan Khulafah al rashidin | 23 |
| 3.3.2 Zaman Umawi | 24 |
| 3.3.3 Zaman Abbasiah | 28 |
| 3.3.4 Zaman Andalus | 29 |
| 3.4 RUMUSAN | 32 |
| RUJUKAN | 33 |

BAB SATU :

1.0 TAMADUN DALAM BIDANG PENDIDIKAN

1.1 DEFINISI PENDIDIKAN

Plato seorang ahli falsafah dan pendidikan Greek kuno mentakrifkan pendidikan sebagai satu latihan jasmani dan rohani bagi mencapai kesempurnaan dan kecantikan. John Dewey seorang ahli falsafah dan pendidikan Amerika pula mentakrifkan proses membentuk kecenderungan asasi yang berupa kepercayaan dan perasaan terhadap alam sejagat dan sesama manusia. Al-jamali memberikan takrif pendidikan sebagai proses membentuk tabiat dan sikap seseorang meliputi aspek rohani, jasmani, akal, akhlak dan sosial supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah Taala. As-Syaibani mentakrifkannya sebagai membina keperibadian yang sempurna dalam pelbagai aspek yang berhubung dengan jasmani, rohani, akal, amalan dan sosial bagi mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat. Khurshid Ahmad mentakrifkan pendidikan sebagai satu latihan Aqliah, jasmaniah dan rohaniah bagi melahirkan manusia yang berkebudayaan tinggi yang sanggup melaksanakan tanggungjawab sebagai insan yang baik dan warganegara yang berguna. Manakala Hassan Langgulung pula mentakrifkan pendidikan sebagai merubah dan memindah nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu melalui berbagai-bagai proses dan cara bagi melahirkan manusia yang bertanggungjawab dan berbakti kepada Allah Taala

Kesimpulannya, erti pendidikan yang dikehendaki oleh Islam ialah satu proses latihan aqliah, jasmaniah, rohaniah, dan ijtimaiah, serta akhlak manusia berdasarkan nilai-nilai islam yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi melahirkan manusia yang sempurna dan bertaqwa

1.2 MATLAMAT PENDIDIKAN

Matlamat pendidikan Islam adalah untuk melahirkan individu yang serba lengkap dari segi rohani, jasmani, sosial bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Ia bertujuan untuk membentuk serta mengembangkan aspek-aspek kesempurnaan yang mencakupi fizikal, rohani, mental dan social menurut pembentukan rohani bagi melahirkan insan kamil dan individu yang bertaqwa.

1.3 TUJUAN PENDIDIKAN

Al-Ghazali berpendapat bahawa pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk mengisi fikiran kanak-kanak dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga untuk memupuk akhlak yang murni. Manakala Ibnu khaldun menyatakan bahawa pendidikan bertujuan menyedia dan membangun manusia ke arah kehidupan yang baik dan bahagia

1.4 KONSEP PENDIDIKAN

Konsep Pendidikan Islam ialah ialah mendidik, membentuk serta melatih individu dalam pelbagai aspek seperti rohani, jasmani, akal, akhlak dan kesedaran sosial bagi melahirkan manusia yang sempurna, beriman, bertaqwa, berakhlak mulia, sihat, dan berkemahiran dalam kerjaya. Ia merupakan konsep pendidikan *Rabbani* yang bersumberkan bimbingan Ilahi. Pendidikan Islam dapat melahirkan manusia yang baik dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, dan masyarakat demi mencapai kebahagiaan hakiki yang berpandukan wahyu daripada Allah SWT.

1.5 FALSAFAH PENDIDIKAN

- i. Menilai, menyelaras dan menganalisis segala permasalahan yang berhubung dengan kehidupan manusia.

ii. Membuat penjelasan, penyusunan, penilaian dan pengubahsuaian operasi pendidikan.

iii. Membentuk fikiran yang sempurna, sesuai dengan sifat semulajadi, operasi, motif dan peranan pendidikan

1.6 INSTITUSI PENDIDIKAN FORMAL DAN TIDAK FORMAL

Rasulullah SAW tidak jemu-jemu memberi rangsangan supaya orang Islam tekun dan sentiasa belajar. Membaca dan menulis merupakan kunci kepada ilmu pengetahuan. Baginda pernah menerima khidmat orang Yahudi dan Nasrani bagi menyampaikan pelajaran. Syarat pembebasan diri bagi tawanan perang seperti tawanan badar adalah mengajar anak-anak orang Islam. Institusi pendidikan Islam pertama yang pernah ditubuhkan ialah “Dar Al-Arqam” yang merupakan tempat belajar, sementara Rasulullah SAW sebagai guru dan pendidik yang ulung.

Setelah peristiwa Hijrah beberapa buah masjid telah didirikan dan dijadikan pusat pendidikan selain tempat beribadat. Antara masjid yang didirikan adalah Masjid Quba dan Masjid Nabawi.

Untuk mengembangkan lagi dunia pendidikan, Rasulullah telah mengantar sekurang-kurangnya 40 orang sahabat untuk menjadi guru kepada masyarakat di luar Madinah. Masjid dan surau menjadi tempat pengajian utama ketika itu. Pada zaman pemerintahan Khulafa' Ar-Rashidin, pemerintahan Islam telah berkembang ke seluruh semenanjung Tanah Arab, Parsi, Syam, dan Mesir. Tidak terdapat sebuah kampung pun di Daerah tersebut yang tidak dibangunkan masjid sebagai tempat beribadat di samping menjadi pusat Pendidikan Islam.

1.7 INSTITUSI PENDIDIKAN FORMAL

| Zaman Pemerintahan Bani Umayyah | Zaman Pemerintahan Bani Abbasiyyah |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> - Pada zaman Bani Umayyah, para sahabat dan Tabi'in berlumba-lumba membina institusi pengajian Islam di masjid, Kuttab, istana dan rumah. - Khalifah Muawiyah ibn Abi Sufyan sering mengundang para cendekiawan ke istananya untuk membincangkan pelbagai bidang ilmu - Pemerintah telah menubuhkan <i>bayt al-ilm (gedung ilmu)</i> di Baghdad untuk memindahkan ilmu dari negara luar melalui usaha penterjemah - Pada zaman pemerintahan Nizam Al-Mulk telah ditubuhkan satu institusi yang dinamakan Madrasah nizamiyyah di Baghdad sebagai pusat pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> - Zaman pemerintahan pemerintahan Harun Ar-Rashid dan Al-ma'mun merupakan zaman kegemilangan ilmu pengetahuan dan pendidikan islam - Zaman ini dianggap zaman keemasan dalam bidang ilmu pengetahuan - Pada zaman Al-Muntasir, beliau telah menubuhkan sebuah maktab bernama Al-Muntasyiriah di Baghdad - Di madrasah Mustanyiriah, pelajar di ajar mengenai empat mazhab Feqah yang terkenal - Gaji guru di bayar oleh kerajaan manakala pelajar tidak perlu membayar yuran malah diberikan biasiswa - Pada abad yang sama, Madrasah Al-Nasiriyyah Di Kaherah dan madrasah |

| | |
|--|---|
| | <p>Al-Nuriyyah di Damsyik menjalankan fungsi yang sama sebagai institusi pendidikan islam</p> <ul style="list-style-type: none">- Al-Azhar – Universiti yang tertua di dunia – asalnya adalah sebuah masjid dan diisytihar menjadi universiti pada 378 Hijrah |
|--|---|

1.8. PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI EROPAH

Ketika kerajaan Islam memerintah Eropah, mereka telah mendirikan sekolah, institusi pendidikan dan universiti. Sekolah kedoktoran pertama yang didirikan di benua Eropah – di Barlmo, Itali. Selepas itu, beberapa buah universiti dan institusi didirikan di bandar-bandar Andalus (Sepanyol) seperti Cordova, Almeria, Badajoz, Granada, Toledo, Valencia, Malaga, dan Dervia. Kemudian penubuhan Universiti diteruskan oleh orang-orang Kristian. Petrus Alphonsi (seorang Islam yang dipaksa menganut agama Kristian) telah membuka sebuah pusat perguruan tinggi untuk menyebarkan pengetahuan Islam di Eropah ketika beliau bertugas sebagai doktor istana King Henry 1. Alphonso VII telah mendirikan institusi terjemahan pertama di Toledo pada tahun 1130 Masihi untuk menterjemahkan karya sarjana Islam ke bahasa Latin dengan meniru model Bayt Al-Hikmah yang dilaksanakan di Baghdad pada kurun ke 9 masihi

Selepas kejatuhan Andalus pada kaum Norman (bagsa Scannadavia) pada 1091 masihi, tamadun Islam terus dipertahankan. Raja-raja Norman seperti King roger 1, Roger II dan Frederick II telah memainkan peranan penting dalam menubuhkan institusi pendidikan Eropah berlandaskan model tamadun Islam. Fredrick II telah menubuhkan sebuah universiti di Naples dan disinilah St.Thomas Aquinas menemui tulisan-tulisan Ibn Rusyd.

1.9 INSTITUSI PENDIDIKAN DI ALAM MELAYU

| Institusi pendidikan tidak formal | Institusi pendidikan formal |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - Di Indonesia, Filipina dan tanah melayu, kanak-kanak berusia 7 tahun akan dihantar ke surau untuk mengaji al-Quran, ibadat, tauhid dan akhlak - Buktinya adalah catatan Munsyi Abdullah dalam hikayatnya <p><i>“ Dari zaman nenek moyang pun tidak pernah orang menaruh tempat belajar Bahasa Melayu melainkan mengaji Al-Quran sahaja. Dan patut belajar Bahasa Arab kerana ia berguna kepada agama dan lagi dalam akhirat.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - | <p>Sistem pengajian pondok</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sistem pengajian pondok merupakan antara institusi Pendidikan Islam yang bersifat formal dan mempunyai pengaruh yang besar dikalangan masyarakat melayu. - Sistem pengajian pondok mula berkembang sejak abad ke 18 sehingga abad ke 20 masehi - Sistem pengajian sebegini berkembang pesat di Kelantan, Terengganu dan Perlis –contoh: pondok Tuk Kenali di Kelantan, pondok Hj Wan Abdul Latif di Terengganu dan Pondok Batu 16 (Pak Ya) di Kedah <p>Sistem Pengajian Madrasah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Institusi pendidikan islam berkembang lagi dengan terbinanya sistem madrasah yang merupakan istitusi pendidikan yang lebih sistematik |

| | |
|--|---|
| | <ul style="list-style-type: none">- Madrasah yang pertama didirikan adalah Madrasah al-Masriyyah di Bukit Mertajam pada tahun 1906 Masihi |
|--|---|

1.10 PENDIDIKAN ISLAM DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA

Pendidikan Islam telah diberi perhatian dalam sistem pendidikan di Malaysia. Selepas penubuhan institusi pendidikan Islam secara tidak terancang, pihak kerajaan mula memberi sumbangan dalam pentadbiran institusi tersebut. Sekolah Agama di Malaysia dari segi pentadbiran dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu :

- i. Sekolah Agama Rakyat yang didirikan oleh rakyat dan biaya pengurusannya ditadbir oleh rakyat.
- ii. Sekolah-sekolah agama di bawah kelolaan majlis Agama Islam dan Zakat.
- iii. Sekolah Agama kerajaan negeri yang ditadbir oleh kerajaan negeri.
- iv. Sekolah – sekolah agama di bawah kementerian pendidikan

Sekolah-sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan telah disediakan dengan kurikulum yang bersepadu, antara ilmu agama dengan ilmu-ilmu keperluan yang lain. Ini memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar dari sekolah tersebut untuk berada dalam masyarakat seperti orang lain. Satu ordinan telah diluluskan oleh kerajaan dalam meletakkan pelajaran agama islam dalam sistem pendidikan kini—Ordinan Pelajaran 1957, seksyen 49 -

‘mana-mana sekolah bantuan kerajaan yang didapati 15 orang atau lebih murid-murid yang beragama islam, murid-murid itu hendaklan di ajar agama islam’

Pelajar agama islam diajar pelajaran Pendidikan Islam selama 6 tahun di sekolah rendah dan selama 5 tahun di sekolah menengah. Ia juga dijadikan satu matapelajaran wajib dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

BAB DUA :

2.0 TAMADUN DALAM BIDANG SEJARAH

2.1 PENGENALAN

Secara umumnya sejarah adalah rakaman peristiwa lalu. Sejarawan pula adalah individu tertentu yang mempunyai minat mendalam untuk membuat penyelidikan kepada sesuatu peristiwa serta didorong oleh perasaan ingin tahu mereka dan mempunyai pandangan yang jauh untuk meninggalkan sesuatu sumbangan kepada generasi akan datang. Catatan daripada sarjana-sarjana sosiologi menunjukkan ilmu sejarah telah dikenali sebelum abad masihi lagi oleh bangsa arab iaitu apabila terdapat fakta sejarah yang menyatakan Nabi Idris a.s dilahirkan di Babil dan berpindah ke Mesir ketika berlaku taufan yang berpanjangan.

2.2 PENGERTIAN SEJARAH

Sejarah dari sudut estimologi Arab sinonim dengan Tarikh (Abd Rahman al-Maghribi,1967) dan diambil daripada kalimah Arakha yang bermaksud mencatat atau menulis cerita. Ibnu Manzur (1968) menggunakan lafaz sejarah daripada kata akar *arakha, al-tarikh atau al-Tawarikh* yang bermaksud penjelasan tentang waktu. *Tarikh* bukan daripada perkataan arab tetapi orang islam telah mengambilnya daripada perkataan ahli kitab. Tarikh bagi orang islam telah direkodkan mulai penghijrahan nabi Muhammad s.a.w (dari Mekah ke Madinah) pada zaman khulafa' Ar-Rasyidin.

Ibnu Khaldun dalam *Muqaddimah*nya telah menggunakan istilah *al-Akbar* dengan erti berita atau khabar sama ada yang dicatat atau tidak bagi maksud *al-Tarikh*

Definisi sejarah dari segi istilah boleh difahami sebagai satu ilmu yang menjelaskan kejadian-kejadian yang lepas dengan membuat catatan secara kronologi peristiwa-peristiwa yang penting. Dr Abdul Aziz Al-Dawri berpendapat sejarah

merupakan bidang kajian yang sentiasa hidup dengan perkembangannya sentiasa berlaku dalam bidang kebudayaan dan aktiviti kemasyarakatan. Amin Madani (1981) mentakrifkan sejarah sebagai laporan catatan tentang peristiwa-peristiwa yang berhubung dengan politik, kemasyarakatan, ekonomi dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan kehidupan manusia.

Luis Gottschalk (1969) berpendapat, sejarah adalah rakaman peristiwa secara semulajadi yang diatur secara sistematik sama ada faktor-faktor yang menyebabkan cerita berkenaan disusun secara kronologi atau tidak, ia tetap sebagai sejarah. Arnold J. Toynbee (dalam Patrick Gardiner, 1959) berpendapat, sejarah adalah himpunan peristiwa tentang kemasyarakatan manusia yang boleh dipanggil sebagai tamadun.

Masyarakat Arab sebelum Islam

Penduduk Arab sebelum Islam menganut pelbagai kepercayaan dan agama. Agama yang dianut terdiri daripada agama samawi, iaitu Kristian dan Yahudi, ajaran Nabi Isa dan Musa (a.s) serta agama Hanif iaitu ajaran Nabi Ibrahim a.s, manakala kepercayaan-kepercayaan yang diamalkan adalah seperti menyembah berhala, api, matahari dan sebagainya yang dipanggil amalan jahiliah. Perkataan jahiliah dari segi etimologinya berasal daripada kata kerja bahasa Arab "jahala" yang bermaksud jahil, bodoh dan tidak berilmu pengetahuan. Tamadun manusia yang tertua adalah dilembah Tigris Euphrates, Iraq kira-kira 5000 tahun yang silam.

Tamadun Islam bermula apabila berlaku peristiwa penerimaan wahyu yang pertama oleh Nabi Muhammad SAW daripada Allah SWT melalui Malikat Jibril pada bulan Ramadhan tahun 610 Masihi, ketika baginda berusia 40 tahun. Ketika baginda dilahirkan, semenanjung Arab berjiran dengan tamadun-tamadun terkemuka dalam sejarah, iaitu tamadun Greek dan tamadun Byzantin di sebelah utara, Tamadun Iran (Parsi) di sebelah Timur, Tamadun India di sebelah Tenggara dan tamadun Aramik-Hebrew dan Aryan di sebelah Barat Laut.

Perkembangan tamadun Islam di dunia boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu zaman Rasulullah dan Khulafa' Al-Rashidin (610M - 660M), Zaman Bani Umayyah (660M - 750M), Zaman Bani Abbasiyyah (750 M- 1261M), Zaman Bani Mughuliah (Monggom) dan zaman Bani Uthmaniah 1261 M - 1924 M).

2.3 ZAMAN RASULULLAH SAW DAN KHULAFAT AL-RASHIDIN

Nabi Muhammad SAW lahir pada 12 Rabiulawal tahun gajah bersamaan 20 April tahun 571 masihi dari kalangan bangsa Arab Quraisy. Sifatnya yang jujur dan aman menyebabkan baginda digelar al-amin (Yang jujur). Pada 17 Ramadhan bersamaan 6 Ogos tahun 610 masihi, baginda mendapat wahyu yang pertama daripada Allah SWT menjadikan baginda sebagai Rasul Allah.

Baginda berdakwah selama 13 tahun di Mekah dengan menekankan aspek tauhid, iaitu mengesakan Allah SWT dan menentang segala bentuk syirik dan tahyul. Pada tahun 622 masihi, baginda diperintahkan supaya berhijrah ke yathrib kerana menghadapi tekanan yang hebat dari segi fizikal dan kejiwaan daripada orang kafir Quraisy. Mulai dari penghijrahan ini Yathrib dikenali sebagai Madinah.

Usaha-usaha dakwah Rasulullah SAW secara kasarnya tertumpu kepada :

1. Membina dan menyusun masyarakat serta negara Islam
2. Memelihara dan mempertahankan masyarakat dan negara Islam

Setelah Rasulullah SAW wafat pada tahun 632 masihi, bermulalah kerajaan yang dipimpin oleh sahabat-sahabat Nabi yang dikenali sebagai Khulafa' Ar-Rasyidin iaitu :

1. Khalifah Abu Bakar As-Siddiq - 632 M
2. Khalifah Umar ibn Al-Khattab - 634 M
3. Khalifah Uthman Ibn Al-Affan - 444 M
4. Khalifah Ali b Abi Talib - 655 M

Semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq, beliau telah berjaya mewujudkan keamanan dengan menumpaskan golongan yang enggan membayar zakat dan mereka yang mendakwa diri mereka sebagai nabi selepas kewafatan Rasulullah SAW.

Pada masa pemerintahan Khalifah Umar ibn Al-Khattab, dengan kekuatan tentera yang dimiliki, wilayah Islam mula berkembang ke Syria, dan Mesir dan berjaya menundukkan pemerintahan Romawi di Timur dan menghancurkan pemerintahan Farsi di Iraq. Pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman Ibn Al-Affan, Al-Quran telah dibukukan menjadi sebuah mashaf yang lengkap. Pada masa pemerintahan Khalifah Ali b Abi Talib ilmu sains dan matematik mula diperkenalkan.

2.4 ZAMAN BANI UMAYYAH

Pusat pemerintahan Kerajaan bani Umayyah adalah di Damsyik (Syam) atau dikenali sebagai Syria sekarang. Di Syam kegiatan keilmuan sangat digalakkan. Pada masa itulah ilmu-ilmu Al-Quran dan Al-Hadis mula dikembangkan begitu juga ilmu-ilmu sains seperti perubatan dan sebagainya. Kerajaan Bani Umayyah di Sepanyol yang dipimpin oleh Abdul Rahman Al-Dakhil memisahkan diri daripada pusat pemerintahan Islam di Timur dengan mendirikan kerajaan Islam di Andalusia, iaitu di benua Eropah. Pusat pemerintahannya adalah di Cordova

2.5 ZAMAN BANI ABBASIYYAH

Kerajaan Bani Abbasiyyah pada ketika ini berpusat di Baghdad. Pada zaman ini perkembangan kebudayaan, keilmuan, kegiatan ekonomi, dan politik begitu meluas dan gemilang. Dalam bidang kebudayaan, kegiatan seni seperti puisi, binaan dan ukiran berkembang pesat. Perkahwinan campur telah melahirkan cantuman kebudayaan Farsi, Hindu, Arab dan Greek. Dari sudut keilmuan, Bayt Al-Hikmah telah ditubuhkan dan gerakan terjemahan yang diberikan perhatian serius telah membantu perkembangan dunia keilmuan.

Dari segi politik, kelahiran fahaman politik mula wujud. Kerajaan juga mampu menyediakan angkatan perang yang mantap untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman musuh sama ada dari luar atau dalam. Ketika ini juga organisasi kehakiman menjadi satu organisasi yang kukuh dan mempunyai peranan yang besar.

2.6 ZAMAN MOGHUL DAN UTHMANIAH

Perkembangan dan kemajuan tetap berlaku, tetapi kerencakannya semakin menurun akibat daripada penjajahan melalui peperangan dan usaha-usaha untuk melumpuhkan Islam. Pada ketika itu budaya ilmu mula bertukar menjadi budaya politik. Pada abad ke-13 masehi Kerajaan Islam Moghul telah diserang dan dimusnahkan. Ini menyebabkan banyak khazanah Islam musnah dan dipindahkan ke dunia barat. Pada masa yang sama juga Eropah mula membina tamadun mereka. Kerajaan Moghul berpusat di Asia Tengah dan kemudian di India, manakala kerajaan Uthmaniah mula bertapak di Asia Kecil, kemudian berapak kuat di Istanbul.

2.7 SUMBER-SUMBER SEJARAH ISLAM

Sejarah perlu kepada sumber-sumber untuk dirujuk. Di dalam perkembangan sejarah Islam terdapat kitab-kitab yang sangat banyak sebagai sumber rujukan mengenai sejarah dan perkembangannya yang telah ditulis oleh tokoh-tokoh sejarah Islam. Fokus penulisan ialah mengenai keturunan dan bangsa, perkembangan politik, sosial dan kebudayaan masyarakat, mengenai tokoh-tokoh fiqh dan ulamak, sejarah mengenai negara - negara, sesebuah kerajaan, raja-raja dan juga, dan rakyatnya

Di antaranya ialah *Kutub al ansab* yang menulis mengenai keturunan dan bangsa Arab secara terperinci. Penulisan buku tentangnya bermula pada zaman Muawaiyah. Penulis dalam bidang ini ialah Abu Yaqzan al Nasabah (190H/805M), Muhammad ibn Said al Kalbi (146H), Hisham al Kalbi (204H) dan Mus'ab al Zubairi (235H). Buku-buku sejarah tentang al ansab ialah *al Taswiyah baina al Arab wal 'Ajam* ditulis oleh ibn

Qutaibah, *Instishaf 'Ajam min al arab* karya Said bin Hamid al Bukhtan dan *Fadhlul Arab ala 'ajam* oleh Ishak ibn Salamah.

Kutub al Tabaqat pula mengenai perkembangan politik, sosial dan kesusasteraan masyarakat Islam awal. Ia menerangkan secara terperinci mengenai peribadi serta aktiviti dalam masyarakat. Di antara karya-karya mengenai al Tabaqat ini ialah *Kitab al Tabaqat* tulisan khalifah ibn Khiyyat, *Tarikh al fuqaha'* oleh Muhammad ibn Umar al Waqidi , *Al Tabaqat al Kubra* oleh ibn Saad, *Al Jarhu wa Ta'dil* oleh Ibn Abi Haitham, *Tazkirah al Huffaz* oleh al zahabi dan *Al Tarikh al Kabir* karya al Bikhari.

Kutub al geografiyyah merupakan kitab yang mengandungi catatan tentang geografi dan buldan (negara) Geeografi sangat berkaitan dengan sejarah. Menerangkan tempat serta penduduknya, memberi maklumat tentang sejarah kesusasteraan, sosial dan ekonomi penduduk setempat . Antara kitab-kitab geografi yang agung ialah *Mu'jam al Buldan* karya Yakut al Hamawi (1873M , *Al Tuhfat al Sunniah* oleh Ibn Jaiaan (1898M) dan *Kitab al buldan* karya al Ya'kubi.

Kutub al Adab membicarakan sejarah perkembangan kebudayaan masyarakat sebelum dan awal Islam yang mengisahkan tentang ulama, ahli hadis, ahli fiqh, penulis-penulis, penyair dan pemedato juga merakamkan gambaran sosial masyarakat dari segi taraf kehidupan, jenis makanan, adat resam dan sebagainya tentang umat Islam masa lampau. Kitab-kitab masyhur ialah *al mustatraf fi kulli fan Mustatraf* oleh al Abisiyih (1352H), *Kitab al Aghani* karya al Asfahani (1868M), *Nuzhat al alba fi tabaqat al Anba'* oleh Ibn Anbari (1294H), *Uyun al Akhbar* karya Ibn Qutaibah dan *Kitab al Uthmaniyyun* oleh al Jahiz (Ghazali Darussalam, 2001).

2.8 TOKOH – TOKOH SEJARAH ISLAM

Tokoh-tokoh sejarah yang membuat catatan sejarah memulakan catatan mereka pada zaman Umaiyyah. Ini boleh dilihat berdasarkan tarikh lahir atau tarikh meninggal sarjana-sarjana tersebut.

Ibn Ishak (85 – 153H) menulis tentang sejarah hidup Rasulullah merujuk kepada hadis-hadis yang diambil sendiri dari Madinah dan Mesir. Menulis buku *al Maghazi* (buku ini diringkaskan oleh Ibn Hisham dengan nama *Sirah Nabawiyyah*).

Menurut al Zuhri, Ibn Ishak adalah orang yang paling alim tentang sejarah Rasulullah dan perjuangannya. Imam Syafie menyatakan “ sesiapa yang hendak mengetahui dan mendalami *al Maghazi*, maka hendaklah ia kembali kepada *al Maghazi Muhammad bin Ishak*.”

Ibn Hisham (meninggal pada 218 H) Menulis kitab *sirah Nabawiyyah* dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu *al Mubtada* – sejarah risalah sebelum Islam, *al Mab'ath* – sejarah hidup Rasulullah semasa di Makkah dan *al Maghazi* – sejarah dan perjuangan Rasulullah semasa di Madinah. Beliau merupakan murid kepada Ibn Ishak dan dikatakan kewibawaannya adalah setanding dengan Ibn Ishak.

Al Waqidy (130 – 207 H / 747M-823M), karyanya ialah *al maghazi al Nabawiyyah, Fath Afriqiyyah, Fath al 'Ajam, Fath Misr wa Afriqiyyah, Al Tabaqat, Futuh al Iraq, Futuh al Syam*. Al Khatib al Baghdadi menyatakan al Waqidy lebih terperinci penulisannya berbanding Ibn Ishak dalam penggunaan sistem isnad dan menentukan tempat berlakunya peristiwa.

Ibn Saad (lahir 168 H) merupakan murid kepada al Waqidy. Kitabnya yang masyhur ialah *Tabaqat al Kubra* mengandungi sejarah Nabi (s.a.w) para sahabat dan tabi'en. Juga mengandungi kisah peperangan yang berlaku pada zaman Rasulullah dan Khulafa' dan *Tabaqat al Sahgir*.

Ibn Abi Hatim (lahir 240 H). Kitabnya *al Jarhu wa Ta'dil* menerangkan keadaan peribadi seseorang. Juga mencatatkan tentang tarikh lahir dan kematian serta keadaan masyarakat pada masa itu.

Ibn Jarir al Tabari (meninggal 310H) menulis *Kitab al Umam wa al Muluk* yang mengandungi peristiwa berdasarkan kronologi tahun Hijrah. Ia mencatatkan sejarah pra Islam, zaman Rasulullah, zaman khulafa' al rasyidin, pemerintahan Bani Umayyiah dan Abbasiyah. Al Dhury menyatakan beliau adalah tokoh pertama yang menggunakan kronologi mengikut tahun hijrah.

Al Hamawi (meninggal 626M) menulis *Mu'jam al Buldan* yang menjelaskan tentang geografi sesuatu tempat, jua tentang tarikh dan adab.

Ibn Athir (meninggal 656H) , karyanya *al Kamil fi al Tarikh* adalah berdasarkan kepada kitab *Tarikh al Tabari* (Ghazali Darussalam, 2001).

Pada zaman kebangkitan Andalus sebagai sebuah kerajaan yang gemilang tamadunya, muncul tokoh-tokoh yang menulis mengenai sejarah Andalus sendiri dan kerajaan –kerajaan yang memerintah di Andalus.

Di antara mereka ialah Abdul Malik bin Habib, karyanya yang terkenal ialah *Tarikh* , Muhammad Ibn Musa al Razi dan anaknya Ahmad , menulis tentang amir-amir di Andalus, salasilah orang-orang masyhur di Andalus, keadaan ibukotanya Cordoba, jalanraya, bandar-bandar penting di Andalus dan keadaan bandar tersebut. Ibn al Qutiyyah – menulis dengan terperinci mengenai sejarah Andalus semenjak penaklukannya sehingga ke zaman pemerintahan Abdul Rahman III (300 -317H). Marwan Ibn Hayyan (dilahirkan di Cordoba pad 987M) merupakan ahli sejarah terkenal pada kurun ke 11. Beliau menceritakan tentang kehidupan di istana, protokol, majlis-majlis yang diadakan, hal-hal peperangan dan lain-lain.

Ibn Hazm menjelaskan salasilah orang Arab dengan terperinci di dalam kitabnya *Jamharah*. Juga merangkumi salasilah keluarga Nabi, para khalifah dan keluarga masing-masing. Ibn al Khatib (lahir 1313M) telah meninggalkan karya mengenai Andalus umumnya dan Granada khususnya. Beliau menyifatkan sejarah sebagai satu cara yang berguna untuk mendapatkan pengalaman, menjadi contoh yang baik dan menjadi kebanggaan sesuatu bangsa (Azizan Baharudin, 1986).

Tokoh yang tidak asing lagi ialah Ibn Khaldun. Karyanya *al Muqaddimah* mengandungi perihal tamadun manusia secara umum, jenis-jenis tamadun dan bahagian-bahagian dunia yang bertamadun. Beliau juga membincangkan tentang tamadun padang pasir, termasuk mengenai suku kaum dan negara-negara tidak beradab juga tentang dinasti-dinasti, khalifah-khalifah dan raja-raja termasuk perbincangan mengenai kerajaan dan pangkat.

Penulis yang tidak kurang pentingnya ialah Al Maqqari (1631M) – karyanya *Nafh at Tib* dan *Azhar al Riyad*. *Nafh at Tib* mengandungi maklumat sejarah dan kebudayaan Andalus serta penaklukannya oleh orang-orang Arab, sejarah berbagai-bagai dinasti, dan sejarah Cordoba (Azizan Baharudin, 1986).

2.9 RUMUSAN

Catatan sejarah oleh tokoh-tokoh sejarah memberi sumbangan besar kepada generasi kemudian untuk meneliti perkembangan tamadun bermula dari zaman pra Islam, zaman permulaan Islam, zaman khulafa', zaman Umaiyyah dan Abbasiyah dan seterusnya. Jika diteliti setiap aspek diambil perhatian oleh sarjana-sarjana tersebut di dalam penulisan mereka dalam menelusuri perkembangan dari semasa ke semasa.

BAB TIGA :

3.0 TAMADUN DALAM BIDANG SENIBINA

3.1 PENGENALAN

Seni bina merupakan sebahagian daripada kebudayaan dan tamadun yang dihasilkan oleh satu kelompok manusia. Di dalam al Qur'an Allah swt menyebut mengenai keagungan senibina kerajaan Iram dalam surah al Fajr yang akhirnya dimusnahkan Allah kerana raja Sharad ingin mendirikan syuga di dunia (Mustafa Hj. Daud, 1996). Kaum Aad (kaum Iram) ini sombong apabila dikurniakan Allah dengan kegagahan kepada mereka. Firman Allah (Dr Wahbah Zuhaily, 2007) :


أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦١﴾ إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٦٢﴾ الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي الْبَلَدِ ﴿٦٣﴾

Yang bermaksud : “ apakah kamu tidak memerhatikan bagaimana Tuhanmu berbuat kepada kaum Ad, iaitu penduduk Iram yang mempunyai bangunan tinggi-tinggi. Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di dalam negara itu”.

Menurut Ghazali Darussalam (2001) ilmu handasah (*architecture*) mempunyai kedudukan yang istimewa dalam peradaban Islam.

¹ Surah al Fajr (89: 6 - 8)

Kedudukan senibina sebagai sebuah produk satu-satu masyarakat boleh dilihat melalui gambarajah di bawah:



Rajah : Model Budaya oleh Fon Trompeenars, 1993

Sumber : Judith Schoot and Alix Henley, 1996

Trompeenars menjelaskan lapisan dalam *consist of implicit, basic assumption of society and community, based on solution that have been develop over centuries in respons to local geography, climate and available resources. These are so fundamental that they are both unconcius and absolutely self evident to the members of society that holds them.* Lapisan inilah yang menguatkan lapisan kedua dan ketiga. Lapisan kedua mengandungi *norms and values* yang dikongsi di dalam satu-satu komuniti; contohnya bagaimana manusia harus bertingkahtaku, mengenai betul dan salah; mengenai baik dan buruk. Nilai-nilai ini adalah menjadi kebiasaan dan universal dalam masyarakat itu. Manakala lapisan luar *artifacts and product* terdiri daripada perkara-perkara yang boleh dilihat, di dengar, dirasa dan lain-lain. Ini termasuklah cara berpakaian, makanan makanan yang dimakan, binaan-binaan, tulisan-tulisan dan seni (Judith Scooth dan Alix Henley,1996).

Jelas di sini senibina merupakan sebahagian daripada perkara asas yang muncul dan wujud dalam sesebuah tamadun dan menjadi sebahagian daripada bukti ketamadunan.

3.2 DEFINISI SENIBINA

Menurut Mohd Tajuddin Mohd Rasdi (t. t) senibina adalah produk daripada keadaan dan situasi dan ia mencerminkan perkembangan nilai masyarakat pada ketika itu. Samsu Adabi Mamat (2004) menyatakan senibina bermaksud pembinaan , samada proses untuk mempelajari bagaimana membina sesuatu bangunan ataupun binaan itu sendiri yang mempunyai seni dalam pembinaannya, manakala senibina Islam (Michell, 1984 dalam Samsu Adabi Mamat, 2004) ialah suatu perkataan yang dapat memberi pengenalan kepada suatu jenis senibina yang istimewa dengan melahirkan satu tamadun atau sebagai penentuan Islam, suatu kualiti istimewa yang diwarisi secara semulajadi dalam Islam sebagai satu fenomena budaya.

3.3 PERKEMBANGAN TAMADUN DALAM BIDANG SENIBINA

3.3.1 Zaman Rasulullah (s.aw.) dan Khulafa' al Rasyidin

Kepentingan senibina dari perspektif Islam dapat diukur dengan bermulanya pembinaan masjid pertama iaitu Masjid Quba' yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. Kemudian Rasulullah memulakan pembinaan Masjid Nabawi sebagai asas perbandaran Islam Madinah dan permulaan senibina dalam Islam, walaupun ia tidak memperlihatkan senibina dalam ertikata yang sebenarnya kerana tiangnya hanya diperbuat daripada batang kurma dan azan hanya dilakukan dari mumbung rumah yang berdekatan dengan masjid tersebut. Rasulullah juga mendirikan pasar-pasar untuk premis perniagaan dan rumah-rumah penginapan untuk kaum Muhajirin yang tidak mempunyai rumah. Rasulullah juga terlibat dalam penggalian parit semasa perang Khandak pada tahun 5H . Ternyata Rasulullah mempunyai kebolehan dalam bidang senibina. Idea Rasulullah ini dikembangkan oleh para sahabat sebagai satu wadah dalam tamadun Islam (Mustafa Haji Daud, 1996).

Pada zaman sahabat (khulafa' al Rasyidin), pembangunan fizikal ini diteruskan. Di dalam setiap futuhat al amsar (pembukaan bandar baru) perkara utama yang dilakukan ialah pembinaan masjid. Bangunan – bangunan masjid yang dibina oleh Saidina Umar pada 16H, di Fustat (17H) dan di Mesir (21H) mempunyai seni khat, ukiran dan hiasan dalamannya tersendiri. Mimbar masjid juga diukir dengan khat yang cantik dan berseni. Ukiran pada mimbar ini mula diukir pada peringkat akhir zaman sahabat (Mustafa Haji Daud, 1996).

3.3.2 Zaman Umawi

Pada tahun 41H/661M khilafah Islamiyyah berpindah kepada keluarga Umaiyyah. Pusat pentadbiran berpindah ke kota Dimashq di Syria. Perubahan tampuk pemerintahan melibatkan perubahan keadaan penggunaan bangunan, samada untuk tujuan ibadah, pentadbiran juga kehidupan seharian. Di ibu kota ini terdapat tinggalan gereja kristian dan rumah ibadat bukan Islam pada era Byzantium. Pengaruh baru ini seolah menjadi pentas pembinaan bangunan yang hebat dan besar dalam menentukan kehebatan dan kepakaran dalam bidang ini (Samsu Adabi Mamat, 2004).

Senibina zaman ini mencapai tahap kematangan. Masjid yang dibina bukan sahaja mempunyai menara, mihrab dan sebagainya. Mihrab mula ditinggikan, ia dilakukan pertama kali di Masjid Nabawi pada tahun 50H atas arahan Muawwiyah bin Abi Sufian. Kubah mula diperkenalkan pada zaman Abd al Malik b Marwan (65-85H). Ukiran khat dipahat pada setiap kubah dalam masjid.

Arca, maqsurah dan bentuk-bentuk gambarajah mula diperkenalkan. Senikhat merupakan fenomena sejagat yang menghiasi masjid pada zaman Umawi. Meluasnya penggunaan khat khufi . Kepingan jubin yang menjadi perhiasan mengandungi unsur-unsur abstrak dan simbolik . Ia bukan sahaja terdapat pada masjid tetapi juga diistana- istana khalifah Bani Umaiyyah (Mustafa Haji Daud, 1996).

Pendekatan khalifah Umayyiah di dalam pembinaan masjid ialah memperbarui atau melakukan pengubahsuaian terhadap masjid yang lama dan membina yang baru. Menurut Kuhnell (1966) dalam Samsu Adabi (2004), bukan semata-mata pembinaan masjid, keperluan-keperluan seperti bekalan air untuk tujuan bersuci dan seluruh perancangan pembinaan berorientasikan mengadap ke arah kiblat iaitu ke Makkah.

Kebanyakan masjid zaman Umawi mempunyai ciri tersendiri yang unik samada di Timur atau di Barat. Biasanya binaannya berdasarkan ukuran berbentuk bujur Kristian (Kristian basilica)– banyak basilica yang diubah menjadi masjid. Perubahan dilakukan kepada titik tumpu daripada akhiran timur kepada selatan dinding atau tembok dan mengubah paksi asal ukurannya dari pangkal ke hujung kepada sesuatu kelebaran tertentu. Perubahan untuk membina *mihrab* (asalnya choir apse) – disesuaikan dengan menghadapkan ke arah Makkah. Tambahan dibuat pada *Minaret* yang berperanan sebagai - menara lampu ; tempat panggilan azan ; menara jam; signal tower (untuk meninjau sesuatu) dan kegunaan di perkuburan sebagaimana yang dilihat pada Syrian Church Tower (Samsu Adabi Mamat, 2004).

Di antara yang diperbaharui ialah Masjid Kufah. Ia adalah masjid yang dibina pada 638M. Ia dibina (diperbesarkan) semula pada 670M di bawah arahan Ziyad bin Abihi (r.a) iaitu gabenor Basrah yang merupakan arkitek terkenal zaman Umawi. Pembinaannya menggunakan kemahiran tukang batu bukan Islam ; bumbungnya 12 kaki tinggi ; binaan tiang-tiangnya yang bulat dan sangat panjang; dan mempunyai siling yang cukup tinggi.

Masjid Nabawi juga dilakukan beberapa perubahan bermula pada zaman Khalifah al Walid (pada 93H/712M) dengan menjadikan tempat ibadah Nabi Muhammad dijadikan tempat ibadah umum. Menurut buku *Early Muslim Architecture* perubahan mula dilakukan pada tahun 63H, pada zaman Yazid bin Muawwiyah dengan dibina dinding. Kemudian ia dibina semula pada zaman

Umar Abdul Aziz dan pada 104H Gabenor Abd al Walid membina bumbung untuk masjid tersebut.

Masjid Umawi atau Masjid Besar Dimashq adalah sebuah masjid yang asalnya merupakan sebuah biara suci kepada *the Roman God (Jupiter Dolichenus)* yang menjadi gereja (Church of St John). Ia diubah suai dan dibina bumbung yang cantik (Qubbat al Nasr) dan 3 buah menara sehingga menjadi masjid yang cantik. Pada 705H (zaman Khalifah al Malik 'Abd al Malik), ia dibina semula dengan melakukan perubahan pada dewan, lorongnya, dindingnya. Dinding dalamnya dihias dengan corak Arabesque seperti geometri, dedaun dan hiasan kaligrafi. Mozek masjid ini berbentuk pohon-pohon dengan memberi tumpuan kepada alam sejagat. Terdapat pengaruh Byzantine terhadap masjid ini iaitu melalui pembinaan arca-arca dengan bentuk kaki kuda dan bentuk badan perahu.

Masjid al Aqsa di Jerusalem adalah sebahagian daripada gereja daripada zaman Justinian. Ia siap pada tahun 83H/702M dan dibina semula pada 780M dengan banyak pengubahsuaian dilakukan kepada bahagian dewan; di bawah kubah kecil terdapat *maqsurah* iaitu bilik peribadi putera raja.

Masjid Umar atau *Qubbat al-sakhra'* (adalah masjid baru yang dibina pada th 691M oleh Khalifah Abd al Malik. Ia mempunyai dominasi pengaruh Byzantium. Pembinaannya menggunakan batu yang kukuh bertatahkan batu permata kuning dan hijau. Bahagian dalam bermotifkan mozek (dipengaruhi oleh unsur hellesnistik (seni Yahudi) dan seni Sasanian (Parsi). Menurut Ibn Khaldun, Khalifah Abd al Malik semasa ingin membangunkan masjid-masjid yang ada, beliau telah meminta Kaisar Byzantine di Constantinople untuk menghantar tenaga-tenaga pakar dalam senibina bangunan. Bangaimanapun, pembinaan masjid ini menimbulkan pendapat bahawa Khalifah Abdul Malik ingin membina satu tempat ibadat yang menandingi Kaabah di Makkah. Menurut Samsu Adabi (2004), pendapat ini tidak benar kerana ibadah haji hanya boleh ditunaikan di Makkah sahaja dan ia dibina untuk menarik perhatian umat Islam supaya tidak hanya tertumpu ke Mekah sahaja.

Pembaharuan dan pembinaan dalam mereka bentuk masjid, terutama kubah, menara dan mimbar serta bilik imam yang diperkenalkan oleh khalifah Umayyiah tetap menjadi simbol keagungan umat Islam hingga hari ini, terutamanya Qubbat al Sakhra' dan Masjid Umawi menjadi lagenda keagungan dan kecemerlangan zaman Umawi (Ismail Bakar, et.al,1999).

Selain daripada masjid, pembinaan istana dan kota juga menjadi tumpuan khalifah-khalifah Bani Umayyiah. Dalam pembinaan ini, terdapat pandangan yang menggambarkan kesenian Islam tidak selalunya dikekalkan. Istana dibina di kawasan padang pasir kerana terdapat putera raja yang mendiami kawasan padang pasir untuk menambah pengalaman dan hidup. Dua istana padang pasir yang dibina ialah Qusayr 'Amra dan Mshataa.

Qusayr 'Amra adalah istana kecil dibuat daripada batu pasir merah. Ia digunakan oleh khalifah al Walid sebagai tempat persinggahan yang mempunyai bilik berburu dan tempat permandian. Dipercayai dibina oleh orang Mesopotomia berdasarkan ciri-cirinya. Bilik-bilik kecil di lengkapkan dengan bilik air dan lantai bangunan dihiasi dengan mozek. Bahagian dewan dihiasi dengan lukisan-lukisan.

Mshatta ialah istana padang pasir yang dibina berdasarkan perkhemahan benteng kota Nomad yang mempunyai pengaruh-pengaruh daripada kota sempadan Roman. Setiap bahagiannya mempunyai menara bulat yang memagari bangunan tersebut. Secara umumnya ia boleh dianggap sebagai satu ambilan daripada model Parsi kerana pelannya mirip dengan istana terkenal zaman Sasan. Dari sudut yang lain pula ia terpengaruh dengan seni Byzantine.

Qasr al Hayr terdiri daripada dua buah kota. Kota bahagian Barat (*al gharbi*) yang mempunyai pintu masuk di antara menaranya dengan anjung tertutup dan tembok yang mempunyai lubang tempat menembak. Hiasannya berbentuk renda yang menonjol. Kota bahagian Timur (*al Sharqi*) pula

mengandungi dua benteng berpagar dengan menara berbentuk separa bulat. Tertera nama Khalifah Hisham (m.110H/778M) pada bahagian anjungannya. Hiasan batu permata pada istana ini mempunyai kaitan dengan Byzantine manakala tekniknya adalah daripada Mesopotomia (Samsu Adabi Mamat, 2004).

Qasr Kharranah ini dibina ketika zaman kerajaan Islam iaitu pada era pemerintahan kerajaan Umawiah (antara tahun 661-750 m). Ini dibuktikan dengan penemuan tulisan dengan khat kufi di salah satu pintu bilik bahagian barat ditingkat dua. Tulisan itu bertulis kalimah arab yang bermaksud ditulis oleh Abd Malik bin Ubaid pada hari Isnin tahun 92H. (<http://www.penghunisahara.blogspot.com>). Kota-kota yang lain adalah seperti Khirbat al Minya dan Khirbat al Mafjar.

3.3.3 Zaman Abbasiyah

Jika zaman Umaiyyah lebih menumpukan kepada pembinaan masjid, senibina pada zaman Abbasiyah ini lebih ditumpukan kepada kota-kota.

Ini dapat dilihat berdasarkan pembinaan bandar-bandar yang maju seperti Kota Baghdad yang dibina pada zaman al-Mansur (136-158H/754/775M) yang mempunyai kedudukan yang strategik; diapit oleh dua sungai iaitu Tigris dan Euphrates yang mempunyai dataran yang cantik, subur dan cuaca yang sederhana; jawatankuasa khas ditubuhkan untuk pengurusan pembinaan, pelan induk, arkitek dan pekerja binaan. Nama lain bagi kota ini ialah *madinat al-salam*, *madinat al-mansur*, *the round city*. Kota ini dilengkapi dengan empat pintu keluar masuk dengan setiap pintu terdapat jambatan. Di antara satu pintu dengan pintu terdapat 28 buah menara untuk menghiasi kota tersebut. Kota ini menjadi bukti ketinggian mutu senibina Islam pada zaman Abbasiyah

Kota Rusafah dibina pada 151H/768M oleh Abu Jaafar al Mansur selepas kota Baghdad yang dihadiahkan kepada anaknya al Mahdi kerana berjaya menewaskan pemberontak di Khurasan. Ia siap dibina pada 159H. Lambang

kemegahan kota ini ialah Masjid Jami' Rusafah dan Qasr al Mahdi. Kedudukan kiblat Masjid Rusafah lebih menghalu ke Kaabah (Ismail Bakar, et.al,1999) .

Kota Samarra' dibina pada zaman al-Mu'tasim pada 201H/835M. Ia merupakan kota terbesar pada zaman 'Abbasiyyah . Beliau membina pelbagai bangunan di dalam pebandaran ini seperti masjid, istana, bangunan kerajaan, penempatan tentera, premis perniagaan & penempatan awam. Arkitek, jurutera dan juruukir dibawa dari Baghdad .Bahan binaannya diimport dari seluruh empayar terutama perhiasannya seperti batu mar-mar dan batu-batu musioik berwarna diambil daripada bangunan lama istana raja Firaun dan sebagainya . Seni bina agung pada di kota ini ialah *Qasr al-Jawsaq al-Khaqani* dan Masjid Jamik Samarra' yang mempunyai menara luar biasa iaitu berbentuk gasing (Ismail Bakar, et.al,1999).

3.3.4 Zaman Andalus

Kekuasaan Islam di Andalus bertapak untuk masa yang lama iaitu kira-kira lapan abad (91H/710M hingga 897H/1492M). Bermula dengan Daulah Umaiyyah sehinggalah kepada munculnya kerajaan-kerajaan kecil setelah kemerosotan Daulah Umaiyyah.

Abdul Rahman al Dakhil (138 -172H) telah memilih Cordoba sebagai ibu kota pemerintahannya. Beliau telah membangunkan kota Cordoba dengan bangunan yang menakjubkan serta memajukan bidang pertanian. (Ismail Bakar, et.al,1999).

Al Maqqari (kitab *Nafh at tib* – kurun ke 17) - menceritakan tentang Cordoba tentang kedudukannya, masjid-masjid, istana-istana, rumah rekreasi, jambatan-jambatan dan saluran airnya. Beliau menceritakan telah terdapat di Cordoba sebanyak 1600 buah masjid, 900 tempat mandi awam, 60,300 rumah orang kenamaan, wazir-wazir, setiausaha, ketua-ketua tentera, 213,077 rumah orang kebanyakan dan 80,455 kedai.

Perkara yang menjadi tumpuan kebanyakan penulis dalam membicarakan senibina ialah Masjid Cordoba, al Cazar dan Giralda di Seville dan al Hambra di Granada. Walaupun dibina pada masa berlainan, bentuk senibinanya kekal dari kurun ke 8 hingga kurun ke 14. Ia mempengaruhi bentuk senibina Sepanyol dan Eropah seluruhnya.

Masjid besar Cordoba di bina pada 171H/787M pada masa zaman pemerintahan Abdul Rahman 1 (lebih dikenali dengan Abdul Rahman al Dakhil). Ia dikatakan mengandungi 360 gerbang arca yang ditembusi sinaran matahari; mempunyai 1445 buah lampu; 224 bekas lilin; setiap chandeliers mempunyai 1000 lampu; pintunya dihias tembaga halus; dinding mihrabnya daripada emas 8 ela panjang, 7 ½ lebar dan 13 1/2 ela tinggi; mimbarnya daripada kayu jati dan eboni; menaranya 108 kaki tinggi; mempunyai 2 tangga untuk naik turun. Akhirnya masjid ini dijadikan gereja Santa Maria selepas ditakluk oleh Fernando II pada 1236M. Akhirnya pada kurun ke 19, ia dijadikan momumen kebangsaan, dijaga dengan baik - menjadi tumpuan pelancong. Selain Masjid Cordoba, banyak masjid telah dibina di setiap bandar besar seperti Sivelle, Toledo, Tudela, Valencia, Saragosa, Badajoz, Granada, Almeria dan Murcia (Azizan Baharudin, 1986).

Kemuncaknya senibina di Andalus adalah seni pembinaan *Al Hamra'* pada zaman dinasti Nasrid (Daulah Banu Nasr / Banu Ahmar di Granada). Sebenarnya pembinaan *al Hamra'* ini bermula pada zaman Amir Banu Umaiyyah, 'Abd Allah pada abad ke 3H sebagai benteng pertahanan. Apabila Muhammad Ibn Ahmar memduduki Granada, ia telah dibaiki dan dijadikan pusat pentadbiran dan istananya. Granada menjadi unggul sebagai sebuah kota yang mempunyai nilai seni unik dan mengkagumkan. Sordo (1971) menyatakan "*it seems as though all the cultural influences that arrived and become rooted in the city marked it indelibly with an absolute character, intermingling to produce a peculiar code of living and behaviour which has no equal anywhere else*" (Ezzad Azrai Jamsari, 2004).

Al Hamra' terletak di puncak bukit La Sabica, Banjaran Sierra Nevada. Ia semacam menaungi seluruh Granada dengan dinding kubu pertahanan yang padu kerana pada awalnya ia dibina untuk tujuan ketenteraan. Ia dipenuhi dengan hiasan berwarna emas dengan reka bentuk yang menarik.

Menurut Sanchez¹ (1993) ; Terrase (1983) *Al Hamra'* mula dibina untuk tujuan ketenteraan, kemudian berkembang menjadi sebuah bandar – kubu (alcazaba), kemudian sebagai istana (alcazar) dan akhirnya sebuah bandar kecil. Bahagian yang paling indah didalam al hambra' ini ialah *the Courts of lions* yang menempatkan bilik peribadi putera raja; Dekorasi plasternya menyerupai corak permaidani dan lantai yang beraneka; Ditengahnya terdapat pancutan air yang dikelilingi oleh 12 patung singa yang dibuat daripada marmar dan setiap patung singa ini akan mengalirkan air dari mulutnya. Mengenai *al Hamra'* ini Fernandez –Puertars (1993) menegaskan (Ezzad Azrai Jamsari, 2004):

Nasrid Kufic writing evolved its own geometric compositions, and colouring was an essential elements in Nasrid decoration and architecture,often employing red, blue and green with a white, silver or gold foreground.

Perkara-perkara yang dinyatakan jelas menunjukkan keindahan sekaligus menunjukkan kemajuan dan kegemilangan Granada dalam tamadun senibinanya. Menurut Ezzad Azrai (2004), hampir mustahil untuk membayangkan kecuali dapat menyaksikannya dengan mata sendiri.

3.4 RUMUSAN

Rasulullah memulakan idea senibina dengan keperluan dan persekitaran masyarakat pada masa itu. Para sahabat maju setapak dengan membina masjid yang mempunyai ciri yang tersendiri. Senibina umawi merupakan satu kemajuan senibina Islam dan berupaya mencipta satu fenomena kebudayaan yang tinggi nilainya samada dalam pembinaan masjid dan istana. Pembinaan kota-kota terkenal dan kem-kem tentera pada zaman Abbasiyah menandakan kemuncak kegemilangan tamadun dalam bidang senibina Islam. Kegemilangan Senibina Andalus memaparkan kehebatan dan kelebihan masyarakat Islam dalam mencapai tamadun yang tidak ada tolok bandingnya sehingga kini. Senibina merupakan identiti bagi satu-satu kerajaan. Ia merupakan satu lambang dan tahap pencapaian tamadun pada zaman itu. Penerimaan pengaruh luar tidak bermakna meniru tetapi merupakan satu tambah nilai kepada senibina itu sendiri kerana sifat tamadun itu sendiri boleh menerima pengalaman daripada pihak lain.

RUJUKAN

- Azizan Baharudin. 1986. *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ezzad Azrai Jamsari. 2004. Kerajaan Nasriyyah (1238 – 1492M) di Granada : Satu Kajian Mengenai Pencapaian Tamadun di Andalus. *Al Hadharah Menjulang Tamadun Terbilang*. Pnyt :Ezad Azraai Jamsari, Farid Mat Zin, Hakim Zainal, Salmah Ahmad. Bangi : Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UKM.
- <http://www.penghunisahara.blogspot.com>
- Ghazali Darussalam. 2001. *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Ismail Bakar, Abd Rauh Yaacob, Anwar Zainal Abidin, Izzah Suryani Mat Resad. 1999. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Bangi: UKM.
- Judith Schooth and Alix Henley. 1996. *Culture, Religion and Childbearing in a Multiracial Society*. Butterworth Heinemann.
- Mohd Tajudin Haji Mohd Rasdi. (t.t). *Permasalahan tentang Metodologi Pentafsiran senibina Islam*. [www.atma.ukm.my/senibina/Senibina Islam/Tafsir Senibina.pdf](http://www.atma.ukm.my/senibina/Senibina%20Islam/Tafsir%20Senibina.pdf).
- Mustafa Haji Daud. 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Samsu Adabi Mamat.2004. Senibina Islam Zaman Umawi. *Al Hadharah Menjulang Tamadun Terbilang*. Pnyt :Ezad Azraai Jamsari, Farid Mat Zin, Hakim Zainal, Salmah Ahmad. Bangi : Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UKM.
- Wahbah Zuhaily (Dr). 2007. *Tafsir Al Munir*. Terj: Persatuan Ulama' Malaysia. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.